

# Keberkesanan dan Praktikal Ujian Simulasi dan Ujian Lisan dalam Penilaian Kursus Bahasa Mandarin

NGIEN Ming Ming, WEE Sheau Ping

*Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Sarawak*

Syah Runniza Binti Ahmad Bakri

*Fakulti Sains komputer dan Matematik, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Sarawak*

LIEW Yit Lian

*Fakulti Sains Gunaan, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Sarawak*

## Abstrak

Pandemik Covid-19 telah mengubah landskap pendidikan dari pembelajaran tradisional kepada pembelajaran secara atas talian. Pelajar bukan sahaja perlu menyesuaikan diri dengan norma baru ini, bahkan pendidik juga tidak dikecualikan. Kebanyakan pendidik bukan sahaja perlu melakukan aktiviti pengajaran secara atas talian, juga perlu mengalih penilaian akademik dalam talian. Kajian ini bertujuan mengkaji keberkesanan dan praktikal ujian simulasi dan ujian lisan dalam penilaian kursus Bahasa Mandarin. Pelajar dari program Ijazah Sarjana Muda Teknologi dan Pengurusan Perladangan UiTM cawangan Sarawak yang mengambil kursus Bahasa Mandarin Permulaan Tahap 1 sebagai subjek kajian. Instrumen kajian adalah dua kaedah ujian iaitu ujian simulasi main peranan dan ujian lisan soal jawab. Dalam pendekatan komunikatif telah menekankan penguasaan dan penggunaan bahasa yang dipelajari sebagai alat komunikasi harian, penilaian adalah penting untuk mengukur keupayaan pelajar untuk menguasai bahasa ketiga yang mereka pelajari. Sintaksis, konsonan awalan, fonem akhiran dan nada adalah empat perspektif yang diutamakan dalam penilaian. Markah ujian yang dikumpul selepas kedua-dua ujian tersebut akan dianalisis dengan kaedah kuantitatif, namun pengukuran markah secara kuantitatif tidak dapat memberikan satu gambaran yang menyeluruh dan mendalam justeru kajian ini dilanjutkan dengan kaedah kualitatif. Pengkaji meletakkan diri sebagai pemerhati dalam kedua-dua ujian tersebut agar dapat memperoleh data-data yang menyeluruh dari segi tahap penyuaraan dan penguasaan bahasa Mandarin pelajar. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa ujian simulasi lebih berkesan daripada ujian lisan, dapatkan kajian menunjukkan komponen penilaian ujian simulasi menyediakan pendekatan yang sesuai untuk pelajar mencapai kemahiran komunikatif bahasa Mandarin yang lebih baik. Kesimpulannya, cadangan dicadangkan untuk penambah baikan pengajaran dan pembelajaran bahasa Mandarin sebagai kursus bahasa ketiga.

**Kata kunci:** penilaian, simulasi, ujian lisan, bahasa Mandarin

# **Effectiveness and Practicality of Simulation Tests and Oral Tests in the Assessment of Mandarin Language Courses**

NGIEN Ming Ming, WEE Sheau Ping

*Academy of Language Studies, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Sarawak*

Syah Runniza Binti Ahmad Bakri

*Faculty of Computer & Mathematical Sciences, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Sarawak*

LIEW Yit Lian

*Faculty of Applied Sciences, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Sarawak*

## **Abstract**

The Covid-19 pandemic has shifted the educational environment globally from the traditional face-to-face learning to online learning. Both educators and students have to adapt to these new norms of teaching and learning settings. Most educators not only need to implement online teaching activities, but also to shift those face-to-face academic assessments to online modes. This study aimed to examine the effectiveness and practicality of simulation tests and oral tests in the Mandarin language course. Students from the Bachelor of Technology and Plantation Management program of UiTM Sarawak branch who took the Introductory Mandarin Level 1 course are the study subjects. The research instruments are two test methods, namely role play simulation test and oral question and answer test. The communicative approach emphasises mastery and application of the language learned as a daily communication skill, assessment is essential to measure students' capacity to master the third language they are learning. Syntax, initial consonants, final phonemes, and tones are the four perspectives prioritised in assessments. Quantitative methods are used to assess the test results obtained after two tests, since quantitative scores alone cannot provide a comprehensive and in-depth picture, this study is also supplemented by qualitative methods. In order to acquire thorough data on students' levels of Mandarin proficiency, the researchers acted as observers in both assessments. Our findings show that simulation tests are statistically more effective than the oral test, these results suggest that simulation assessment component provides an appropriate approach for students to achieve better Mandarin communicative skills. In conclusion, recommendations are suggested for improving the teaching and learning of Mandarin as a third language course.

**Keywords:** assessment, simulation, oral test, Mandarin language

## 1. Latar Belakang Kajian

Pada tahun kebelakangan ini semakin ramai pelajar bukan penutur jati mempelajari Bahasa Mandarin. Dasar negara, hubungan diplomatik negara, hubungan etnik serta pilihan kerjaya masa hadapan merupakan antara faktor penting yang mendorong perkembangan pesat terhadap pembelajaran bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua atau ketiga dalam kalangan pelajar bukan penutur jati. Keadaan ini bukan sahaja wujud di SJKC sahaja malah turut jelas kelihatan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Ramai pelajar IPT bukan bangsa Cina memilih belajar bahasa Mandarin dalam pilihan kursus bahasa elektif, keadaan ini juga berlaku di Universiti Teknologi Mara (UiTM). UiTM menawarkan kursus Bahasa Mandarin dalam pilihan bahasa elektif untuk pelajar. Di UiTM cawangan Sarawak seramai 647 orang pelajar mendaftar kursus Bahasa Mandarin di kampus Samarahan 1 dan kampus Samarahan 2 bagi program sarjana muda sesi pengajian March sehingga Ogos 2021. Dari jumlah ini, seramai 183 orang mendaftar kursus Bahasa Mandarin Permulaan Tahap 1. Para pelajar mempelajari bahasa Mandarin mengikut silibus yang telah ditetapkan oleh Akademi Pengajian Bahasa, UiTM. Penilaian berterusan kursus Bahasa Mandarin menilai pencapaian pembelajaran pelajar dari segi pertuturan, pendengaran dan penulisan. McNamara (2000), penilaian akan menunjukkan hasil terhadap proses pengajaran dan pembelajaran sama ada telah mencapai objektif pembelajaran atau tidak. Oleh yang demikian penilaian merupakan salah satu bahagian yang penting dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Dalam kajian ini, pengkaji akan memfokuskan kepada penilaian ujian simulasi dan ujian lisan.

### (1) Pernyataan Masalah

Dalam silibus Bahasa Mandarin TMC401 UiTM tahun 2014 ujian lisan jenis soal jawab digunakan untuk menilai pencapaian kemahiran komunikatif pelajar. Ujian ini kemudiannya telah dimansuhkan pada tahun 2015 dan digantikan dengan ujian bacaan. Ujian simulasi mula diperlakukan sejak September tahun 2017 sehingga kini. Ujian lisan dan ujian simulasi kedua-duanya memainkan peranan sebagai penilaian pencapaian pembelajaran dan tahap penguasaan kemahiran komunikatif bahasa Mandarin pelajar. Walaupun kedua-dua ujian ini memainkan peranan yang sama, tetapi terdapat perbezaan dari segi kaedah penilaian. Mengikut silibus kursus Bahasa Mandarin, objektif ujian bagi ujian simulasi adalah menilai keupayaan komunikatif pelajar selepas PdP melalui kaedah main peranan. Ujian lisan pula adalah menilai keupayaan komunikatif pelajar selepas PdP melalui kaedah soal jawab. Kedua-dua jenis ujian ini telah menimbulkan persoalan pengkaji, mana satu ujian mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi dalam

penilaian selepas PdP, memandangkan objektif ujian adalah menilai keberkesan dan praktikal tahap penguasaan komunikatif bahasa Mandarin oleh pelajar selepas PdP.

## (2) Persoalan Kajian

Berlandaskan masalah kajian yang telah dinyatakan sebelum ini, pengkaji ingin menjalankan satu kajian tentang keberkesan dan praktikal ujian simulasi dan ujian lisan dalam penilaian kemahiran komunikatif bahasa Mandarin para pelajar.

- i. Mengenal pasti keberkesan komunikatif pelajar dalam bahasa Mandarin selepas PdP melalui ujian simulasi dan ujian lisan.
- ii. Mengenal pasti praktikal komunikatif pelajar menggunakan bahasa Mandarin selepas PdP melalui ujian simulasi dan ujian lisan.
- iii. Mengenal pasti dan menganalisis kebolehpercayaan dan kesahan dalam pencapaian kemahiran komunikatif bahasa Mandarin pelajar.

## (3) Kepentingan Projek

Kajian ini meninjau keberkesan dan praktikal keupayaan dan penguasaan pelajar terhadap bahasa Mandarin selepas PdP melalui penilaian ujian simulasi dan ujian lisan. Tujuan tinjauan terhadap persoalan ini adalah demi melihat tahap keupayaan dan penguasaan komunikatif bahasa Mandarin pelajar dengan berkesan demi pilihan kerjaya dan masa hadapan pelajar. Daripada penelitian terhadap kajian lepas oleh pengkaji mendapati walaupun terdapat beberapa kajian terhadap jenis ujian lisan dalam pembelajaran Bahasa Mandarin, namun hasil kajian yang diperoleh masih tidak mencukupi. Bagi kajian lepas yang relevan dengan keberkesan dan praktikal ujian simulasi dan ujian lisan dalam penilaian selepas PdP Bahasa Mandarin jarang dijumpai. Di samping itu, daripada dapatan kajian yang diperoleh, pengkaji ingin melihat kedua-dua jenis ujian ini mana satu lebih sesuai dan dapat membuktikan tahap penguasaan dan keupayaan komunikatif pelajar selepas belajar bahasa Mandarin. Dapatkan kajian diharapkan dapat membantu penambahbaikan ujian yang sedia ada.

## (4) Skop Kajian

Fokus utama kajian ini adalah keberkesan dan praktikal antara ujian simulasi dan ujian lisan mengikut silibus kursus Bahasa Mandarin yang ditetapkan oleh UiTM dalam penilaian kemahiran komunikatif pelajar selepas belajar bahasa Mandarin. UiTM cawangan Sarawak dijadikan sebagai skop kajian. 29 orang pelajar dari program Ijazah

Sarjana Muda Teknologi dan Pengurusan Perladangan yang mengambil kursus Bahasa Mandarin Permulaan Tahap 1 sebagai subjek kajian.

### (5) Definisi Terma

**Bahasa Mandarin** - Terma bahasa Mandarin sering digunakan oleh IPT Malaysia, bahasa Mandarin juga dikenali sebagai bahasa Cina. Penggunaan terma bahasa Mandarin di IPT adalah merujuk kepada bahasa ketiga yang ditawarkan untuk pelajar bukan penutur jati, terutamanya pelajar yang tidak mempunyai sebarang pengetahuan asas bahasa Mandarin.

**Bahasa ketiga** - Bahasa elektif yang ditawarkan oleh IPT kepada pelajar bukan Cina untuk dipelajari sebagai bahasa ketiga selain daripada dwibahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris yang telah dikuasai.

**Ujian simulasi** - Merupakan penilaian yang melibatkan pelajar berpasangan untuk main peranan dalam perbualan situasi kehidupan harian dengan tujuan menilai keupayaan pelajar menggunakan bahasa Mandarin bertutur dengan lancar dan yakin dalam komunikasi kehidupan harian.

**Ujian lisan** - Merupakan penilaian kemahiran soal jawab pelajar terhadap soalan yang diberikan oleh pemeriksa (pensyarah) dengan tujuan menilai keupayaan pelajar menjawab dan bertutur bahasa Mandarin dengan lancar dan yakin dalam komunikasi kehidupan harian.

## 2. Sorotan Literatur

Menurut Littlewood (1981) amalan komunikatif dalam pengajaran bahasa telah menggariskan lima prinsip iaitu: 1) bahasa dipelajari berdasarkan konteks yang bermakna, 2) bahasa digunakan merupakan teks atau wacana yang merujuk kepada situasi yang sebenar, 3) mengikut keperluan dan minat pelajar menyesuaikan PdP, 4) penggunaan bahasa perlu latihan kemahiran komunikatif, 5) pengajar main peranan sebagai fasilitator, pengurus, pendorong dan penasihat.

Xu (2005) mengemukakan konsep ujian "berpusatkan pelajar" dalam penilaian ujian lisan Bahasa Cina. Beliau percaya bahawa tujuan ujian lisan adalah untuk menguji kemampuan lisan pelajar yang sebenar, jadi harus mengutamakan pelajar. Dalam kajian, prinsip keaslian dan interaktif dikemukakan. 1) Prinsip keaslian: Merujuk kepada tahap kesamaan antara penggunaan bahasa sasaran subjek dalam ujian untuk menyelesaikan tugas ujian dan penggunaan bahasa sasaran dalam aktiviti komunikatif mereka dalam kehidupan harian. 2) Prinsip interaktif: Tercermin dalam interaktif antara pelajar dan

tugas ujian, dan interaktif antara pelajar dan pemeriksa. Dengan kata lain "berpusatkan pelajar" bermaksud pelajar berani dan sudi menyampaikan sesuatu, seperti mencari topik yang sesuai dengan tahap pembelajaran dan senario komunikasi dalam keadaan yang santai dan semula jadi. Pengajar memainkan peranan sebagai rakan berkomunikasi yang lain, mempunyai dialog yang setara dengan pelajar, dan membolehkan para pelajar menunjukkan kemampuan berbahasa mereka melalui panduan dan bimbingan. Dalam keadaan ini dapat memaparkan interaksi antara pelajar dan pengajar.

Menurut Huang (2011) teori pengajaran berkesan telah dikaji selama beberapa dekad namun penyelidikan mengenai teori pengajaran berkesan yang diterapkan dalam bidang pengajaran bahasa Mandarin sebagai bahasa asing masih sangat lemah.

Lau et. al (2012) menjalankan kajian terhadap jenis kaedah pengajaran dan pembelajaran termasuk penilaian yang membolehkan interaksi antara pelajar-pelajar pelbagai etnik di Institut Pengajian Tinggi Awam Malaysia. Sebanyak 10 jenis kaedah pengajaran dan pembelajaran telah dikenal pasti daripada dapatan kajian, iaitu: 1) berkomunikasi dengan pelajar Cina; 2) memperkenalkan budaya Cina kepada pelajar yang bukan Cina; 3) main peranan; 4) duduk di sebelah pelajar etnik lain dan bertutur dalam bahasa Cina; 5) tugas individu; 6) tugas kumpulan; 7) ujian lisan; 8) aktiviti permainan Bahasa; 9) sistem pembimbing dan dibimbing; 10) aktiviti di luar kelas. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden lebih cenderung berinteraksi dengan pelajar yang berlainan etnik melalui kaedah ujian lisan dan tugas kumpulan berbanding dengan kaedah pembelajaran lain. Manakala majoriti fasilitator bahasa lebih cenderung menggunakan kaedah main peranan, tugas kumpulan serta menggalakkan pelajar duduk bersebelahan dengan pelajar kaum lain dan menggunakan bahasa Cina untuk berinteraksi.

Islam Priscilla dan Islam Tazria (2013) menyatakan kelihatan peningkatan dalam kemahiran berbicara pelajar melalui main peranan dalam kumpulan di bilik darjah yang besar. Pengajar juga dapat membuat penilaian terhadap pengembangan kemahiran bertutur pelajar dengan lebih lanjut. Pelajar berasa mencabar, kreativiti, berkemampuan fikir kritis dan bercakap dengan lebih yakin di dalam kelas. Melalui pemerhatian bilik darjah, pengajar dapat mengenal pasti kemampuan pelajar untuk menyesuaikan diri dengan faktor situasi dan juga menilai kefasihan penggunaan bahasa yang tepat dengan merakam persembahan pelajar. Main peranan juga membolehkan pengajar mencatat kemajuan dan pengembangan kemahiran komunikatif pelajar dengan lebih lanjut.

Dapatan kajian Harun dan hamid (2014) yang berdasarkan prinsip komunikatif Littewood menunjukkan tiga instrumen kajian iaitu pemerhatian, temu bual dan penganalisisan wujudnya penerapan amalan komunikatif oleh pengajar cemerlang dalam

pengajaran bahasa Melayu. Daripada dapatan kajian juga menunjukkan kepentingan amalan prinsip komunikatif dalam pengajaran dan pembinaan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi dalam kalangan pelajar.

Yang (2014) skop kandungan ujian lisan bahasa Cina adalah mengikut kandungan dalam sukanan pelajaran. Tujuan ujian lisan adalah untuk menguji kemampuan komunikatif pelajar dalam bahasa Cina. Sehubungan itu, kandungan ujian lisan Cina merangkumi kemampuan fonologi (fonem awal, fonem akhir, nada, intonasi dan lain-lain), kemampuan membentuk ayat, kemampuan penyampaian perenggan, kemampuan pragmatik, kemampuan komunikasi dan sebagainya. Dalam hasil karya beliau bahagian ujian lisan, telah senaraikan berapa jenis ujian lisan yang sering diguna pakai: 1) baca dengan kuat; 2) mengulangi; 3) soal jawab; 4) main peranan; 5) bercerita berdasarkan gambar; 6) pembentangan lisan; 7.) perbincangan kumpulan; 8) terjemahan.

Nik Din et. al (2014) menjalankan kajian tentang keberkesanan kaedah main peranan dalam pembelajaran kemahiran lisan bahasa Arab. Objektif kajian adalah meninjau keberkesanan teknik main peranan dalam mempertingkatkan kemampuan bertutur, motivasi dalam diri sendiri dan memperluaskan perbendaharaan kata. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen dalam pengumpulan data daripada 30 orang pelajar semester 1 diploma bahasa dan sastera Arab di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Dapatan kajian menunjukkan semua responden berpendapat bahawa teknik main peranan telah mempertingkatkan kemampuan untuk bertutur bahasa Arab. Pelajar juga lebih yakin untuk bercakap bahasa Arab kerana melalui kursus yang dihadiri pelajar dapat menguasai lebih banyak perbendaharaan kata.

Dohaney et. al (2017) main peranan yang otentik dan mendalam dikenali sebagai “Volcanic Hazards Simulation” digalakkan dalam pengajaran. Jenis main peranan ini melibatkan pelajar berada dalam konsep krisis gunung berapi dan pada masa yang sama meningkatkan keyakinan pelajar. Pelajar mengambil peranan dan tanggungjawab profesional yang sahih dan berkomunikasi melalui perbincangan pasukan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat peningkatan yang signifikan dalam meningkatkan keyakinan komunikasi.

Dalam taksonomi Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB) yang dikemukakan oleh Oxford (1990), Strategi Sosial ialah sejenis strategi yang membantu pelajar berinteraksi dengan orang lain dan memahami budaya dalam bahasa sasaran. Teknik-teknik yang digunakan merangkumi bertanya soalan, bekerjasama dengan orang lain dan menunjukkan empati kepada orang lain.

Dalam dapatan kajian Chong dan Teoh (2018) telah memaparkan bahawa strategi metakognitif, kompensasi dan sosial ialah SPB yang paling kerap digunakan oleh para pelajar di UiTM Seremban yang mengikuti kursus bahasa Mandarin. Secara keseluruhannya, pelajar yang lebih cemerlang dalam kajian ini menggunakan jenis SPB yang lebih pelbagai dan juga sesuai dengan kursus yang dipelajari. Ujian Simulasi yang dijalankan oleh pihak UiTM terhadap pelajar adalah memenuhi kriteria SPB yang disarankan oleh dapatan kajian Chong dan Teoh (2018).

Wee dan Thing (2018) menjalankan kajian ke atas kesilapan sebutan konsonan awalan dalam pembelajaran Bahasa Mandarin pelajar UiTM. Kajian dijalankan melalui kaedah pemerhatian dalam persembahan ujian simulasi. Ujian simulasi dinilai dari tiga aspek iaitu sebutan, intonasi dan kelancaran. Dapatan kajian menunjukkan majoriti pelajar membuat kesilapan sebutan dalam bunyi plosif, frikatif dan afrikat. Dapatan kajian juga memaparkan tahap penguasaan sebutan bahasa Mandarin pelajar semakin meningkat pada ujian simulasi 2 berbanding dengan ujian simulasi 1.

Kajian Wulandari et. al (2019) menunjukkan penggunaan teknik main peranan boleh dianggap sebagai teknik yang baik dalam meningkatkan kemahiran berbahasa Inggeris pelajar. Selain itu, memainkan peranan dapat memupuk keyakinan pelajar untuk berbahasa Inggeris. Hasil pemerhatian menunjukkan bahawa pelajar dapat mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan dengan menggunakan teknik main peranan. Penyertaan aktif dalam pembelajaran pelajar juga menunjukkan bahawa mereka dapat membina semangat belajar bahasa sasaran dalam pembelajaran.

Rahmat et. al (2020) juga berpendapat demi membolehkan pelajar berinteraksi dalam “kehidupan sebenar” digalakkan menggunakan kaedah simulasi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa aktiviti yang dilakukan secara simulasi mencerminkan manfaat pembelajaran berdasarkan pengalaman. Pelajar dapat menggunakan contoh konkret, konseptualisasi dan menampung idea lama dengan pembelajaran baru.

Kesimpulannya, dari kajian lepas di atas menunjukkan terdapat pelbagai jenis kaedah yang boleh diguna pakai dalam penilaian tahap penguasaan sesuatu bahasa dalam komunikasi harian. Cara pengajaran dan pembelajaran bahasa Mandarin yang lebih berkesan dan membolehkan pelajar menguasai bahasa Mandarin dengan lebih cepat dan berkesan dalam masa pembelajaran yang terhad merupakan masalah yang sedang dihadapi oleh para pengajar dan pelajar sekarang. Oleh itu, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk merumuskan kaedah ujian yang lebih berkesan di antara dua jenis ujian yang dikaji.

### **3. Metodologi Kajian**

Kajian ini secara amnya bertujuan untuk mengenal pasti keberkesanan dan praktikal ujian simulasi dan ujian lisan. Fungsi utama pembelajaran bahasa ketiga adalah berinteraksi dan berkomunikasi. Dalam pendekatan komunikatif telah menekankan penguasaan terhadap sesuatu bahasa selepas PdP. Tujuan pembelajaran bahasa mengikut pendekatan ini adalah demi komunikasi faktual, dengan kata lain pelajar boleh menggunakan bahasa yang dipelajari sebagai alat komunikasi harian. Oleh yang demikian, ujian penilaian amat diperlukan untuk menilai keupayaan komunikatif penggunaan bahasa yang dipelajari dalam berbagai konteks atau situasi.

#### **(1) Reka bentuk dan teori kerangka**

Kerangka teori kajian berakar dari hasil karya Yang (2014) yang telah menyenaraikan berapa jenis ujian lisan yang sering diguna pakai dalam pembelajaran bahasa Mandarin, ini termasuk simulasi dan lisan secara soal jawab. Kajian ini menggunakan kaedah campuran iaitu kaedah kuantitatif dan kaedah kualitatif. Pengkaji mengenal pasti keberkesanan dan praktikal ujian simulasi dan ujian lisan di kalangan pelajar ijazah sarjana muda yang mengambil kursus bahasa Mandarin Permulaan 1 (TMC401) di UiTM kampus Samarahan. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif untuk mengukur keberkesanan kedua-dua ujian, namun pengukuran markah secara kuantitatif tidak dapat memberikan satu gambaran yang menyeluruh dan mendalam tentang keberkesanan ujian tersebut. Justeru itu, kajian ini dilanjutkan dengan kaedah kualitatif, yakni pengkaji meletakkan diri sebagai pemerhati dalam ujian tersebut. Data dikumpul melalui ujian simulasi, ujian lisan dan pemerhatian agar dapat memperoleh data-data yang menyeluruh dari segi tahap penyampaian dan penguasaan bahasa Mandarin.

#### **(2) Sampel kajian**

Kajian ini juga menggunakan persampelan bukan kebarangkalian untuk menjawab objektif kajian pengkaji. Subjek kajian terdiri daripada 29 orang pelajar dari program Ijazah Sarjana Muda Teknologi dan Pengurusan Perladangan yang belajar bahasa Mandarin Permulaan Tahap 1. Masa kontek TMC401 adalah 28 jam dalam satu semester. Pada minggu keempat semester subjek kajian telah mempelajari dua bab dengan sebanyak 10 pola ayat dan 101 kosa kata manakala, pada minggu keenam semester dilanjutkan ke 21 pola ayat dan 185 kosa kata.

### (3) Instrumen kajian

Dalam kajian ini, dua kaedah ujian iaitu ujian simulasi dan ujian lisan merupakan instrumen kajian yang utama. Ujian simulasi ini merupakan kaedah yang diguna pakai dalam kursus Bahasa Mandarin. Dalam ujian tersebut pelajar berpasangan untuk memainkan peranan dialog dalam buku teks Bahasa Mandarin Permulaan 1 (Ho, Lee, Teo, Heng, Chan & Tay, 2020). Manakala ujian lisan secara soal jawab adalah ujian yang pernah diaplikasikan sebelum ujian simulasi diperkenalkan. Pensyarah akan merangka dan mengubah soalan ujian lisan soal jawab mengikut buku teks yang terkini, kemudian pelajar akan menjawab soalan-soalan yang diajukan oleh pensyarah dan penilaian akan dibuat. Atas sebab pandemik Covid-19 di Malaysia pelajar terpaksa menghadiri kuliah secara atas talian, maka kedua-dua ujian dijalankan secara atas talian dan dirakamkan untuk tujuan penilaian.

Penilaian akan mengutamakan empat perspektif iaitu sintaksis, konsonan awalan, fonem akhiran dan nada.

#### a. Analisa Data Kesilapan Fonetiks

Menurut Kamus Dewan (1996:354), fonetik ialah ilmu bahasa yang berkaitan dengan penyebutan kata dan lambang yang menunjukkan sebutannya. Bahasa Mandarin bukan bahasa fonetik, sebetulnya tidak ada kaitan dengan aksara Cina. Sistem penyuaraan *Hanyu Pinyin* dicipta untuk tujuan mempelajari sebutan bahasa Mandrin (Ho, Lee, Teo, Heng, Chan & Tay, 2020). Kursus bahasa Mandarin di UiTM menggunakan *Hanyu Pinyin* sebagai alat utama dalam pengajaran dan pembelajaran penyuaraan. Justeru itu, dalam kajian ini semua data penyuaraan dalam kedua-dua ujian dicatatkan dengan menggunakan *Hanyu Pinyin*. Bunyi-bunyi ujaran konsonan awalan, fonem akhiran dan nada bahasa Mandarin subjek kajian direkodkan. Kesilapan penyuaraan dihuraikan melalui aspek-aspek penyuaraan, daerah artikulasi, cara artikulas dan nada.

#### b. Analisa Data Kesilapan Sintaksis

Pengkaji mencatatkan kesilapan sintaksis yang dilakukan oleh subjek melalui pemerhatian terhadap video persembahan ujian simulasi dan juga ujian lisan. Data-data dikategorikan kepada kesilapan antarabahasa dan dalambahasa yang akan dihuraikan dengan paparan ayat-ayat bahasa Mandarin dalam *Hanyu Pinyin*. Setelah menghuraikan kesilapan fonetiks dan sintaksis subjek kajian, pengkaji menggunakan analisis deskriptif untuk mengenal pasti dan membandingkan kesilapan yang dilakukan oleh kumpulan subjek ini dalam kedua-dua ujian.

Markah yang direkod kemudiannya dianalisa secara deskriptif dan juga menggunakan ujian *Wilcoxon Signed-Rank* bagi menentukan samada wujud atau tidak keberkesanan secara signifikan di antara dua ujian tersebut dengan menggunakan SPSS. Namun demikian, keputusan yang diperoleh hanya diinterpretasi dan digeneraliasi dalam skop data kajian ini. Instrumen kajian kedua adalah menggunakan kaedah pemerhatian. Kaedah pemerhatian adalah kaedah alternatif dimana pengkaji memerhati keadaan atau situasi semasa pelajar mengambil ujian simulasi dan ujian lisan. Ini dapat membantu pengkaji lebih memahami keadaan atau situasi sebenar pelajar sepanjang proses perjalanan ujian simulasi dan ujian lisan.

## 4. Dapatan Kajian


### (1) Taburan Responden Kajian

Jadual 1 memaparkan taburan responden kajian mengikut jantina. Daripada keseluruhan 29 responden yang dikaji, seorang pelajar (30%) ialah pelajar lelaki dan 28 orang (70%) ialah pelajar perempuan.

**Jadual 1**  
*Taburan Responden Mengikut Jantina*

Jantina	Bilangan responden	Peratus (%)
Lelaki	1	3.45
Perempuan	28	96.55

**Carta 1**  
*Taburan Responden Mengikut Jantina*



Sumber: UiTM cawangan Sarawak

Carta 1 menunjukkan bilangan responden perempuan melebihi bilangan responden lelaki. Ini menunjukkan pelajar perempuan mendominasi kursus ini.

## (2) Analisa Deskriptif Kajian

Dapatan analisa deskriptif adalah seperti yang tertera di Jadual 2. Secara purata, markah pencapaian pelajar bagi ujian simulasi dan ujian lisan adalah 9.052 (SP = 0.761) dan 6.883 (SP = 2.049), masing-masing. Ini menunjukkan keberkesanan ujian simulasi dalam penilaian markah pencapaian pelajar berdasarkan perbezaan min markah.

Median markah bagi kaedah simulasi menunjukkan 50% pelajar memperoleh markah kurang daripada 9 manakala 50% lagi melebihi 9, manakala 50% daripada pelajar markah kurang daripada 6.8 dan baki 50% melebihi 6.8 markah dalam ujian lisan. Ini menunjukkan bagi analisa kurtosis dan *skewness*, markah ujian lisan menunjukkan taburan normal (dalam julat  $\pm 1.96$ ) tetapi tidak normal bagi markah ujian simulasi.

**Jadual 2**

*Analisa Deskriptif Markah Kaedah Simulasi dan Lisan*

Kaedah	Min	Sisihan piawai	Median	Kurtosis	Skewness
Simulasi	9.052	0.736	9.0	10.165	- .715
Lisan	6.883	2.049	6.8	- .820	- .310

*Sumber:* Data dikumpul dan dianalisis pada bulan April - Ogos 2021.

## (3) Perbandingan Pencapaian Pelajar Bagi Ujian Simulasi dan Lisan

Analisa normaliti bagi kedua-dua kaedah dinyatakan seperti di dalam Jadual 3. Ujian normaliti dilakukan untuk menilai taburan normal markah pelajar. Taburan markah dianggap normal menggunakan Shapiro -Wilk ( $p>0.05$ ). Di sini, jelas bahawa taburan markah bagi ujian lisan adalah normal seperti mana yang dinyatakan dalam analisa deskriptif di atas. Ujian normaliti bagi kedua-dua kaedah memberikan keputusan yang berbeza. Oleh itu, data perlu dianalisa dengan menggunakan ujian bukan parametrik iaitu ujian *Wilcoxon-Signed Rank*.

### **Jadual 3**

#### *Ujian Normaliti*

Shapiro-Wilk


Kaedah	Statistic	df	Sig.
Simulasi	.701	29	.000
Lisan	.952	29	.207

*Sumber:* Data dikumpul dan dianalisis pada bulan April - Ogos 2021.

*Wilcoxon-Signed Rank* melibatkan kedudukan perbezaan mutlak markah bagi setiap responden. Sebagai contoh, kedudukan pertama merangkumi perbezaan paling kecil di antara markah kaedah simulasi dan lisan.

### **Carta 2**

*Histogram Perbezaan Mutlak Markah Responden*



*Sumber:* Data dikumpul dan dianalisis pada bulan April - Ogos 2021.

Carta 2 menunjukkan seramai 24 pelajar memperoleh markah ujian simulasi yang lebih tinggi daripada ujian lisan. Hanya terdapat 4 orang pelajar yang memperoleh markah ujian lisan lebih tinggi daripada ujian simulasi. Selain itu, terdapat seorang pelajar telah memperoleh markah yang sama bagi kedua-dua penilaian. Maklumat ini turut dinyatakan di dalam Jadual 4.

#### **Jadual 4**

##### *Kedudukan Perbezaan Mutlak Markah Responden*

		N	Mean Rank	Sum of Ranks
Ujian Simulasi - Ujian Lisan	Negative Ranks	4 <sup>a</sup>	5.00	20.00
	Positive Ranks	24 <sup>b</sup>	16.08	386.00
	Ties	1 <sup>c</sup>		
	Total	29		

a. Ujian Simulasi < Ujian Lisan  
 b. Ujian Simulasi > Ujian Lisan  
 c. Ujian Simulasi = Ujian Lisan

Sumber: Data dikumpul dan dianalisis pada bulan April - Ogos 2021.

Keputusan ujian *Wilcoxon-Signed Rank* seperti di dalam Jadual 5 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan ( $Z = -4.168$ ,  $p < 0.05$ ) di antara markah pencapaian pelajar dalam ujian simulasi dan lisan. Dalam ujian bukan parametrik, pelaporan menggunakan median adalah lebih baik berbanding min. Sehubungan itu, secara puratanya, markah median bagi ujian simulasi (median = 9.8) juga melebihi markah lisan (median = 6.0). Ini menunjukkan bahawa kaedah simulasi memberikan impak yang positif. Prestasi pelajar yang dinilai melalui kaedah simulasi adalah lebih baik. Keputusan ujian Exact ( $p < 0.05$ ) mengukuhkan lagi hipotesis alternatif ini di mana ujian ini dipraktikkan pada saiz sampel yang kecil.

#### **Jadual 5**

##### *Analisa Ujian Wilcoxon-Signed Rank dan Exact*

	Ujian Simulasi - Ujian Lisan
Z	-4.168
Asymp. Sig. (2-tailed)	.000
Exact Sig. (2-tailed)	.000

Sumber: Data dikumpul dan dianalisis pada bulan April - Ogos 2021.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa ujian simulasi lebih berkesan dan praktikal dalam menilai prestasi pelajar dalam pembelajaran Bahasa Mandarin. Ujian *Wilcoxon-Signed Rank* memaparkan pencapaian pelajar yang lebih tinggi di dalam ujian simulasi berbanding ujian lisan. Median markah bagi ujian simulasi daripada analisa deskriptif juga adalah lebih tinggi daripada ujian lisan. Daripada ini, kredibiliti kaedah penilaian secara simulasi terbukti sesuai untuk menilai pelajar dengan lebih baik. Melalui pendekatan simulasi ini, ternyata pelajar berasa lebih selesa dan memperbaiki keyakinan

komunikasi mereka. Pernyataan ini adalah selari dengan dapatan kajian Dohaney et. al (2017) dan Rahmat et. al (2020). Daripada dapatan kajian di atas, pendekatan simulasi yang melibatkan interaksi di antara rakan sekursus juga mewujudkan persekitaran yang positif dan seterusnya meningkatkan keyakinan pelajar untuk berkomunikasi.

#### **(4) Perbandingan Kesilapan Bagi Ujian Simulasi dan Lisan**

Kesilapan di dalam ujian simulasi dan ujian lisan turut dianalisa melalui empat perspektif iaitu sintaksis, konsonan awalan, fonen akhiran dan nada. Jadual 6 menunjukkan bilangan kesalahan pelajar mengikut perspektif yang dinyatakan. Secara keseluruhannya, kesilapan nada (48.55%) mendahului kesilapan konsonan awal (21.39%), diikuti dengan kesilapan sintaksis (19.08%) dan fonen akhiran (10.98%). Pelajar lebih banyak melakukan kesilapan iaitu dua kali ganda di dalam ujian lisan (66.47%) berbanding ujian simulasi (33.53%) di mana majoriti kesilapan adalah pada bahagian nada (32.37%).

**Jadual 6**


*Bilangan Kesalahan Bagi Sintaksis, Konsonan Awalan, Fonen Akhiran dan Nada*

Jenis Kesilapan	Ujian Simulasi	Ujian Lisan	Jumlah	Peratus (%)
Sintaksis	0	33	33	19.08
Konsonan Awalan	23	14	37	21.39
Fonen Akhiran	7	12	19	10.98
Nada	28	56	84	48.55
Jumlah	58	115	173	
Peratus (%)	33.53	66.47		

*Sumber:* Data dikumpul dan dianalisis pada bulan April - Ogos 2021.

Carta 3 menunjukkan taburan peratusan bagi setiap ujian dan kesilapan dengan lebih terperinci. Walaupun kesilapan sintaksis hanya dikesan pada ujian lisan dan turut memperlihatkan kesilapan nada yang tinggi, peratusan kesilapan konsonan awalan adalah lebih tinggi di dalam ujian simulasi (13.29%). Namun, peratusan kesilapan fonen akhiran adalah lebih rendah di dalam ujian simulasi (4.05%).

**Carta 3**  
*Taburan Kesilapan Mengikut Ujian*



*Sumber:* Data dikumpul dan dianalisis pada bulan April - Ogos 2021.

Daripada analisa kajian di atas menunjukkan mod ujian simulasi main peranan lebih menggambarkan keberkesanan dan praktikal pembelajaran daripada mod ujian lisan soal jawab. Melihat hasil kajian, para pelajar hanya melakukan kesalahan konsonan awalan, fonem akhiran dan nada dalam ujian simulasi main peranan, tetapi tiada kesalahan dari segi struktur sintaksis. Ini kerana pelajar membuat pra-persediaan terhadap situasi dan watak yang akan dimainkan malah akan mengurangkan melakukan kesalahan dari segi struktur sintaksis, dan kefasihan berbahasa pelajar juga lebih baik. Sebaliknya, dalam ujian lisan soal jawab, pelajar bukan sahaja melakukan kesalahan dalam konsonan awalan, fonem akhiran dan nada, tetapi juga melakukan kesalahan dari segi struktur sintaksis. Ujian lisan soal jawab lebih mencabar pelajar kerana pelajar perlu berfikir dan bertindak balas terhadap soalan yang dikeluarkan oleh pensyarah dengan segera. Di bawah pengaruh bahasa ibunda pelajar sendiri maka pelajar akan melakukan kesalahan struktur sintaksis semasa menyusun ayat, ini juga selaras dengan kajian Yang (2014) semasa menjalankan kajian di atas beberapa jenis ujian lisan bahasa Mandarin yang biasa digunakan.

## 5. Kesimpulan

Hasil kajian menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar dapat memperoleh keputusan yang baik dalam ujian simulasi main peranan, dan secara keseluruhan prestasi mereka agak baik. Banyak hasil penyelidikan seperti Nik Din et. al (2014), Chong dan Teoh (2018), Rahmat et. al (2020) menunjukkan keberkesanan simulasi atau main peranan dalam pembelajaran sesuatu bahasa. Main peranan memerlukan pelajar turut serta dengan lebih aktif tanpa menyekat pelajar untuk menjawab dalam kerangka soalan yang diberikan. Dengan kata lain, main peranan lebih cenderung menggunakan situasi yang berbeza dalam kehidupan seharian bagi membolehkan pelajar memulakan perbualan.

Melalui pemerhatian, pelajar lebih yakin dalam ujian simulasi main peranan, dan pelajar dapat berkomunikasi dengan lebih lancar. Ujian lisan soal jawab pula, jelas melihat bahawa pelajar lebih gementar dan memerlukan lebih banyak masa untuk berfikir sebelum menjawab soalan. Ini kerana kaedah main peranan kebanyakan mempunyai plot atau situasi komunikatif tertentu untuk pelajar berdialog. Pelajar tidak perlu fikir dan bimbang terhadap struktur ayat, hanya perlu memperhatikan sebutan dan ekspresi yang lancar. Xu (2005) mengemukakan konsep ujian "berpusatkan pelajar" dalam ujian lisan bahasa Mandarin. Tujuan ujian lisan adalah untuk menguji kemampuan komunikatif bahasa pelajar, iaitu sama ada pelajar dapat menggunakan bahasa sasaran dengan lancar untuk mencapai tujuan komunikasi harian. Oleh itu, Xu percaya bahawa ujian lisan harus memaparkan prinsip-prinsip keaslian dan interaktiviti.

Pengkaji berpendapat bahawa kedua-dua jenis ujian mempunyai kelebihan sendiri. Soal dan jawab merupakan kaedah komunikasi paling asas bagi manusia, dan juga kaedah latihan lisan yang paling asas dalam mempelajari sesuatu bahasa. Walau bagaimanapun, kaedah soal jawab lebih sesuai untuk latihan lisan di dalam kelas. Cara latihan soal jawab yang berkesan dapat meningkatkan interaktif antara pengajar dan pelajar, dan juga antara pelajar dengan pelajar, tetapi ia tidak sesuai digunakan untuk ujian lisan. Di samping itu, pengkaji berpendapat kaedah soal jawab perlu bersemuka dengan pelajar dan menjalankan banyak latihan agar pelajar dapat membiasakan diri sendiri lalu menunjukkan prestasi yang baik dalam ujian. Pelajar seharusnya berada dalam persekitaran, tahap komunikasi yang sesuai dan semula jadi untuk menunjukkan kemampuan berbahasa mereka dengan sepenuhnya. Ujian simulasi main peranan bukan sahaja membolehkan pelajar berasa senang untuk berkomunikasi, tetapi juga membolehkan pelajar merasa berada dalam persekitaran dan suasana bahasa yang sebenar. Sebaliknya, pada ujian lisan soal jawab pelajar perlu bersemuka dengan pemeriksa, ini telah membina persekitaran dan suasana yang serius. Dalam persekitaran

ini, pelajar pasti berasa tekanan. Sebenarnya, emosi pelajar dalam ujian juga akan mempengaruhi prestasi mereka dalam peperiksaan.

Ujian lisan harus menekankan prinsip komunikasi. Oleh itu, bukan hanya menumpukan pada ketepatan bahasa pelajar, iaitu, sama ada terdapat kesalahan pada fonetik, kosa kata, dan tatabahasa, tetapi juga perlu memperhatikan makna yang terkandung dalam isi ungkapan yang sebenarnya, serta kelancaran dan kesesuaian ucapan, koherensi, logik, kelengkapan, spekulasi dan unsur-unsur lain (Xu, 2005). Kesimpulannya, main peranan mempunyai kesan positif untuk meningkatkan kemahiran lisan pelajar. Ini tercermin dalam hasil penyelidikan Islam Priscilla (2013), Dohaney et. al (2017), Wulandari et. al (2019) yang juga membuktikan bahawa main peranan memberi peluang kepada pelajar untuk meneroka situasi yang berbeza dalam kehidupan seharian, dan membolehkan mereka berkomunikasi dalam situasi yang diberikan. Ini juga dapat meningkatkan kemampuan pelajar untuk bercakap dengan tepat dan yakin dalam bahasa sasaran.

### **(1) Cadangan Penyelidikan Masa Depan**

Hasil penyelidikan ini masih mempunyai kekurangan. Pengkaji harap agar penyelidikan pada masa depan dapat menjalankan kajian dan perbincangan yang lebih mendalam dan komprehensif mengenai kesalahan yang sering dilakukan oleh pelajar dalam pembelajaran bahasa Mandarin, agar dapat membantu pelajar meningkatkan kemampuan dan tahap penguasaan bahasa lisan mereka. Di samping itu, juga terdapat kekurangan penyelidikan yang relevan mengenai keberkesanannya pelbagai jenis ujian lisan bahasa Cina terhadap prestasi akademik. Pengkaji berharap lebih banyak penyelidik dapat menjalankan penyelidikan yang berkaitan untuk mengisi kekurangan dalam bidang ini.

## Rujukan

- Canale, M. & Swain, M. (1980). Theoretical bases of communicative approaches to second language teaching and testing. *Journal of applied linguistics*, 1-47. <https://doi.org/10.1093/applin/I.1.1>.
- Chong, G. L. & Teoh, J. T. (2018). Pola penggunaan strategi pembelajaran bahasa dan huhungannya dengan pencapaian pelajar dalam kelas bahasa Mandarin, *Esteem journal of social science and humanities*, 2, 1-13. <https://ejssh.uitm.edu.my/manuscript/2vol2018/1nov2018.pdf>.
- Dohaney, J., Brogt, E., Wilson, T. M., Kennedy, B. (2017) Using role-play to improve students' confidence and perceptions of communication in a simulated volcanic crisis. In Fearnley, C. J., Bird, D. K., Haynes, K., McGuire, W. J., Jolly, G. (eds), *Observing the volcano world. Advances in Volcanology* (An official book series of the International Association of Volcanology and Chemistry of the Earth's Interior—IAVCEI, Barcelona, Spain). Springer, Cham. [https://doi.org/10.1007/11157\\_2016\\_50](https://doi.org/10.1007/11157_2016_50).
- Harun, M. A. & Hamid, Z. (2014). Penerapan komunikatif dalam pengajaran bahasa Melayu: Kajian kes guru cemerlang. *Jurnal Melayu*, 18-28. <https://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/view/7996>.
- Ho, W. C., Lee, A. C., Teo, A. M., Heng, B. C., Chan, J. Y. & Tay, C. W. (2020). *Bahasa Mandarin permulaan I*. Selangor, Malaysia: Pusat Percetakan UiTM.
- Huang, X. Y. (2011). *Research on effective teaching of Mandarin as a foreign language*. China: Northeast Normal University.
- Islam, P., & Islam, T. (2013). Effectiveness role play in enhancing the speaking skills of the learners in a large classroom: An investigation of tertiary level students. *Stamford journal of English*, 7, 218-233. <https://www.banglajol.info/index.php/SJE/article/view/14475>.
- Lau, S. K., Ang, L. H., Soon, C. T., Law, S. B. & Wong, N. L. (2012). Pengajaran dan pembelajaran bahasa Cina dalam menggalakkan interaksi murid berbilang kaum. *Journal of language studies*, 979-997. [http://journalarticle.ukm.my/5552/1/Vol\\_12\\_3\\_%28979-997%29.pdf](http://journalarticle.ukm.my/5552/1/Vol_12_3_%28979-997%29.pdf).
- Nik, M., Rahimah, E., Raja, H., Nooranida, A., Mohd., T., Zaiton, M. & Normila, N. (2014, September 14). Kerbekesanan kaedah main peranan dalam pembelajaran kemahiran lisan Arab. *Prosiding seminar pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab 2014*. (Tidak diterbitkan). Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin.
- McNamara, T. (2000). Oxford introductions to language study: Language testing. (H. G. Widdowson, Ed). New York: Oxford University Press.
- Rahmat, N. H., Mok, S. S., Lau, S. K., & Fan, P. S. (2020). Experiential learning in Mandarin classrooms: The case for simulation. *International journal of Asian social science*, 10 (4), 171-180. <https://archive.aessweb.com/index.php/5007/article/view/3177/5016>.
- Wee, S. P. & Thing, C. R. (2018). Kesilapan sebutan konsonan awalan dalam pembelajaran bahasa Mandarin dalam kalangan pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) Sarawak. *ESTEEM journal of social sciences and humanities*, 37-53. <https://ejssh.uitm.edu.my/manuscript/2vol2018/4nov2018.pdf>.
- Wulandari, Dela, O. A., & Yana (2019). The use of role play to improve students' speaking skill. *Professional journal of English education*, 2 (3), 416-420. <https://journal.ikipsiliwangi.ac.id/index.php/project/article/view/2940>.
- Xu, X. Y. (2005). Hanyu kouyu ceshi yanjiu [Research on Chinese oral test]. *Journal of Yunnan Normal University*, 3 (5), 40. <https://core.ac.uk/download/pdf/235012571.pdf>.
- Yang, Y. (2014). *Duiwai hanyu jiaoxue de chengji ceshi* [Achievement test for teaching Chinese as a foreign language]. Beijing, China: Peking University Press.